

Malaysia Hab simpanan LPG, LNG

Pembangunan pusat simpanan di pulau indah tarik pelabuhan RM1.2 Billion

Pelabuhan Klang – Malaysia akan menjadi hab penyimpanan dan pengedaran gas petroleum cecair (LPG) dan gas asli cecair (LNG) di rantau ini dalam tempoh tiga tahun selepas dua syarikat gergasi antarabangsa bersetuju melabur di negara ini dalam sektor berkenaan.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Kamarudin Jaafar berkata, bagi fasa pertama pembangunan, Global Petro Storage Group (GPS) yang berpangkalan di Singapura dan syarikat Equinor dari Norway telah bersetuju membina sebuah hab penyimpanan LPG di Pulau Indah di sini.

Katanya, pembinaan fasiliti berkeluasan tujuh hektar dengan nilai pelaburan asing AS\$100 juta (RM408.7 juta) itu akan bermula bulan ini dan dijangka siap dalam tempoh dua tahun yang mana ia mampu menyimpan sekitar 134,000 meter padu LPG.

“Sementara itu, bagi fasa kedua iaitu pembinaan untuk hab LNG, ia akan dimulakan pada pertengahan tahun ini dengan nilai pelaburan AS\$200 juta (RM817.5 juta).

“Pembangunan kedua-dua projek ini bukan saja dapat memenuhi permintaan tempatan, malah ia disasar mampu menjadi pusat pengedaran kepada negara serantau seperti Myanmar dan Bangladesh,” katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Projek GPS Refrigerated LPG Terminal di Westports Dry Bulk2, Pulau Indah di sini semalam.

Mengulas lanjut, Kamarudin berkata, dua projek tersebut telah berjaya menarik pelaburan asing berjumlah sekitar RM1.2 bilion yang boleh memberi keuntungan jangka panjang kepada negara.

“Dahulu tiada lokasi khusus untuk menyimpan tangki-tangki LPG ini. Cara penyimpanannya lain daripada petroleum kerana ia perlu didinginkan.

“Saya melihat projek ini sebagai sesuatu yang sofistikated kerana ia bakal dibina dengan ciri-ciri keselamatan yang tinggi.

“Saya juga yakin penglibatan syarikat luar negara yang mempunyai pengalaman dalam industri ini mampu memberi kelebihan kepada pembangunan negara,” ujarnya.

SUMBER: KOSMO! | M/S: 45 | 8 MAC 2019